

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

SOALAN : 45

YB Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan telah merencanakan satu kerangka ekonomi baru bagi penduduk di kawasan luar bandar yang mampu untuk memperkuatkan lagi ekonomi negara dalam menghadapi kenaikan taraf hidup semasa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dengan permasalahan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Bagi meningkatkan pembangunan luar bandar, Kerajaan telah memperkenalkan Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). MBELB merupakan agenda pembangunan luar bandar yang memacu 10 teras pembangunan dengan matlamat untuk mewujudkan masyarakat luar bandar berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Antara strategi MBELB ialah penerokaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, pemantapan sistem rantai nilai, pembudayaan aplikasi teknologi, memperluaskan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti ekonomi luar bandar dan pengoptimuman penggunaan tanah. Selaras dengan matlamat ini, tujuh sektor telah dikenalpasti iaitu komoditi, pertanian, perternakan dan perikanan, pelancongan, pemprosesan, peruncitan dan modal insan.

Bagi memanfaatkan potensi strategi-strategi MBELB, Kerajaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, telah memperkenalkan Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre – RTC*). RTC memberi tumpuan kepada lapan inisiatif seperti penubuhan Kios Informasi 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro-makanan, pengurusan rantai bekalan hasil pertanian, kemudahan pembiayaan kewangan dan sebagainya. Sehingga April 2016, terdapat 11 pusat RTC dan 213 pusat mini RTC di seluruh negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan juga telah memberi penekanan kepada peningkatan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah (B40), di mana sebahagian besar masyarakat luar bandar adalah terdiri daripada golongan ini. Melalui Bidang Fokus Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa strategi untuk meningkatkan pendapatan dankekayaan isi rumah B40, menangani kos sara hidup yang meningkat dan mengukuhkan sistem penyampaian program B40. Di antara program yang dilaksanakan di bawah strategi-strategi ini adalah program perladangan berskala besar seperti Agropolitan, Ladang Masyarakat dan Mini Estet Sejahtera (MESEJ), perusahaan komuniti berdasarkan koperasi, MyFarm Outlet, kursus keusahawanan, premis perniagaan dan sebagainya.

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga melaksanakan agenda Transformasi Luar Bandar – Membandarkan Luar Bandar. Transformasi Luar Bandar memberi tumpuan kepada enam fokus utama yang merangkumi 19 transformasi. Enam fokus utama tersebut adalah: prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian. Salah satu keperluan transformasi adalah untuk mempelbagaikan pendapatan masyarakat luar bandar sebagai supaya masyarakat luar bandar tidak bergantung sepenuhnya kepada satu-satu sumber pendapatan sebaliknya, pelbagai sumber pendapatan seperti dari dividen ladang, dividen koperasi dan hasil keuntungan dari aktiviti keusahawanan. Sasaran model ini merangkumi penerokaan bidang pertanian yang mempunyai nilai pasaran dan permintaan tinggi, pembangunan industri hiliran sebagai sokongan industri sedia ada, penggunaan rantaian nilai dalam industri pekebun kecil dan pembangunan tanah terbiar.

Pada masa yang sama, bagi mengurangkan insiden kemiskinan di luar bandar kesan dari kenaikan kos sara hidup, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kos Sara Hidup. Melalui jawatankuasa ini, peserta Program Peningkatan Pendapatan (PPP) diberi bantuan peralatan, bahan mentah, mesin, latihan kemahiran, premis perniagaan serta khidmat nasihat dan bimbingan. Bantuan-bantuan ini diberikan kepada peserta dalam bentuk geran dan pinjaman mudah bagi membolehkan mereka menjana pendapatan tambahan di antara RM500 sehingga RM1,000 dan berbentuk *quick win* iaitu menjana hasil dalam tempoh kurang daripada setahun. Program ini dijangka mampu memberikan pendapatan minimum isi rumah sebanyak RM1,000 dan membolehkan kumpulan sasar keluar dari paras garis kemiskinan. Bidang-bidang yang diberi fokus di bawah PPP ialah pertanian kontan, penternakan, perkhidmatan dan pembuatan.

Sekian, terima kasih.